

**EKSPLORASI TERHADAP APLIKASI MEDIA DAN
TEKNIK DALAM KARYA CATAN PERTANDINGAN
BAKAT MUDA SEZAMAN
DI MALAYSIA**

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

NORKHAIZATUL ERMA BT MOHD KHAIRUDDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



**EKSPLORASI TERHADAP APLIKASI MEDIA DAN TEKNIK DALAM KARYA
CATAN PERTANDINGAN BAKAT MUDA SEZAMAN DI MALAYSIA**

NORKHAIZATUL ERMA BT MOHD KHAIRUDDIN



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA PENGAJIAN SENI HALUS
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 19 (hari bulan) Mei (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar:

Saya, **NORKHAIZATUL ERMA BT MOHD KHAIRUDDIN, M20181001133, FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **EKSPLORASI TERHADAP APLIKASI MEDIA DAN TEKNIK DALAM KARYA CATAN PERTANDINGAN BAKAT MUDA SEZAMAN DI MALAYSIA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR MADYA DR. ABDUL AZIZ ZALAY @ ZALI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **EKSPLORASI TERHADAP APLIKASI MEDIA DAN TEKNIK DALAM KARYA CATAN PERTANDINGAN BAKAT MUDA SEZAMAN DI MALAYSIA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA SASTERA (PENGAJIAN SENI HALUS)**.

Tarikh : 21 Mei 2021

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: EKSPLORASI TERHADAP APLIKASI MEDIA DAN TEKNIK DALAM KARYA CATAN PERTANDINGAN BAKAT MUDA SEZAMAN DI MALAYSIA

No. Matrik / Matric's No.: M20181001133
Saya / I: NORKHAIZATUL ERMA BT MOHD KHAIRUDDIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan /
Contains restricted information as specified by the organization where research was done

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

[Signature]

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarih 21 Mei 2021

[Signature]

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Gop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR ABDUL AZIZ ZALAY
PENSYARAH KANAN
JABATAN SENI DAN REKABENTUK
FAKULTI SENI, KOMPUTERAN & INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction

PENGHARGAAN

Bissmillahir-rahman-nir-rahim...

Syukur Alhamdulillah, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad S.A.W. kepada yang maha berkuasa, Allah S. W. T kerana dengan limpah dan kurnia-NYA memberikan idea, buah fikiran dan kesungguhan dalam menyiapkan tesis ini.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberi peluang serta kepercayaan bagi menaja penuh pengajian saya. Selain itu, Yayasan Pahang juga kerana telah memberikan Geran Bantuan Pelajar ke Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S) 3.0. Ucapan jutaan terima kasih saya kepada Profesor Madya Dr. Abdul Aziz Zalay @ Zali, penyelia utama bagi tesis ini dan penyelia kedua saya, Ts. Dr. Muhamad Firdaus Ramli. Mereka merupakan tulang belakang dalam merealisasikan tesis ini. Segala tunjuk ajar, bantuan, bimbingan sepenuhnya, teguran yang membina dan nasihat yang diberikan amatlah dihargai. Tidak akan dilupakan segala bakti kepada individu yang amat berjasa iaitu suami tercinta Ahmad Zuraimi Abdul Rahim yang banyak berkorban masa dan tenaga serta banyak memberi dorongan, sokongan dan semangat yang membina kepada saya selama ini.

Terima kasih buat semua pensyarah dan pegawai Fakulti Seni Komputeran Dan Industri Kreatif, Institut Pengajian Siswazah dan Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana menyediakan prasarana untuk saya menyiapkan pengajian Sarjana Pengajian Seni Halus. Ribuan terima kasih kepada semua pihak kerana sudi memberikan maklumat yang diperlukan sepanjang kajian saya selama ini. Penghargaan yang amat tinggi kepada semua pakar akademik serta pakar bidang Seni Halus yang terlibat dan para artis tanahair yang menjadi responden utama kajian saya.

Tidak dilupakan buat rakan seperjuangan, terutamanya bagi teman sekuliah bagi sesi 2018/2020, Puan Normiza Mohd, Puan Rofidah Musa, Encik Gopinanth Sandra, Encik Wan Lokman Wan Ahmad, Encik Hishamuddin Siri, senior-senior, junior-junior atas segala bantuan dan cadangan. Penghargaan juga ditujukan khas buat rakan-rakan sekerja terutamanya Puan Hamsidah Abu Hassan kerana sentiasa memberikan bantuan serta sokongan moral bagi menyemarakkan semangat untuk menyiapkan tesis ini. Buat arwah abah tersayang, ibu, anak-anak dan adik-beradik terima kasih kerana sentiasa mendoakan kejayaan dan memberikan kerjasama, bantuan, galakkan serta tidak pernah jemu memberi semangat. Semoga Allah sahaja yang mampu membalasnya.

Akhirnya, penghargaan ini ditujukan khas buat semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Semoga kajian ini memberikan manfaat kepada semua pihak, khasnya para pelajar, penggiat seni tanah air dan negara. In Sha Allah. Terima kasih.

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk menginterpretasi eksplorasi aplikasi media dan teknik dalam karya pertandingan Bakat Muda Sezaman dalam era 1980-an, 1990-an dan 2000-an di Malaysia. Sebanyak lima buah karya catan telah dianalisis berdasarkan Teori Gabungan Organik Ocvirk et al. (2013). Aspek-aspek yang penting dalam kajian ini adalah eksplorasi terhadap aplikasi media dan teknik dalam karya catan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan kajian kes bersifat deskriptif yang merupakan asas utama penyelidikan. Kaedah utama pengumpulan data yang diaplikasi adalah dokumentasi karya dan temu bual yang dianalisis menggunakan ATLAS.ti 8. Dapatan kajian menunjukkan terdapat unsur-unsur eksplorasi yang dekat dengan kesenian Barat dipersembahkan menerusi elemen seni dan prinsip seni reka dalam catan. Secara kesimpulan, kajian ini menjelaskan media dan teknik dalam aspek bentuk di dalam catan pemenang Bakat Muda Sezaman melalui pendekatan seni. Kajian ini dapat menjadi inspirasi kepada khalayak seni serta menjadi rujukan masyarakat generasi akan datang. Ini secara tidak langsung memberi implikasi terhadap bidang Seni Halus di mana sekaligus dapat memberikan nilai tambah dalam industri seni lukis Malaysia. Nilai berusaha dan kehidupan masyarakat Malaysia juga mempengaruhi catan artis, ia telah mewujudkan identiti yang tersendiri terhadap pengolahan media dan teknik yang dihasilkan.

EXPLORATION FOR MEDIA TECHNIQUE APPLICATIONS IN PAINTING ARTWORKS WITH THE YOUNG CONTEMPORARIES IN MALAYSIA

ABSTRACT

This research aims to interpret the exploration of media applications techniques in the work of Bakat Muda Sezaman in the era of 1980s, 1990s and 2000s in Malaysia. A total of five paintings were analyzed based on Ocvirk et al. (2013). Important aspects in this study are the exploration of media applications in paintings. This study uses qualitative methods through a descriptive case study approach which is the main basis of research. The main method of data collection applied is documentation of works and interviews analyzed using ATLAS.ti 8. The findings of the study show that there are elements of exploration close to Western art presented through the elements of art and the principles of design in painting. In conclusion, this study explains the media in terms of form in the paintings of contemporary Young Talent winners through an artistic and techniques approach. This study can be an inspiration to the art audience as well as a reference for the next generation of society. This indirectly has implications for the field of Fine Arts which at the same time can provide added value in the Malaysian art industry. The value of hard work and the life of the Malaysian community also influences the artist's painting, it has created a distinct identity for the media processing and techniques produced.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Permasalahan Kajian	14
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	17
1.6 Signifikan Kajian	18
1.6.1 Aspek Teori	18
1.6.2 Aspek Praktikal	19
1.7 Limitasi Kajian	20
1.7.1 Limitasi Tempat	20

Muka Surat

1.7.2 Limitasi Responden	21
1.7.3 Limitasi Ruang	21
1.7.4 Limitasi Masa	22
1.7.5 Limitasi Kandungan	22
1.8 Kerangka Konsep Kajian	23
1.8.1 Aspek Karya	26
1.8.2 Aspek Pakar	26
1.8.3 Aspek Artis	27
1.8.4 Aspek Kurator	27
1.9 Kesimpulan	27

2.1 Pengenalan	29
2.2 Pendekatan Model Gabungan Organik	30
2.3 Karya Seni	35
2.4 Media dan Teknik	37
2.5 Perkembangan Media dan Teknik Bakat Muda Sezaman di Malaysia	39
2.6 Kajian Lepas Media dan Teknik	43
2.7 Persoalan Kajian 1	48
2.8 Persoalan Kajian 2	50
2.9 Persoalan Kajian 3	51
2.10 Kesimpulan	52

Muka Surat

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	54
3.2 Reka Bentuk Kajian	56
3.2.1 Reka Bentuk Kajian	57
3.2.2 Kajian Kualitatif	63
3.2.3 Kajian Kes	64
3.3 Instrumen Kajian	65
3.3.1 Instrumen Dokumentasi	66
3.3.1.1 Kebaikan Analisis Dokumentasi	67
3.3.1.2 Kelemahan Analisis Kandungan Dokumentasi	68
3.3.1.3 Justifikasi Teknik Analisis Kandungan Dokumentasi	68
3.3.2 Instrumen Temu Bual	69
3.3.2.1 Kelebihan Teknik Temu Bual	70
3.3.2.2 Kelemahan Teknik Temu Bual	71
3.3.2.3 Justifikasi Pemilihan Teknik Temu Bual	71
3.4 Persampelan Dan Kaedah Pemilihan Responden	74
3.4.1 Kajian Utama	76
3.5 Pengumpulan Data	78
3.5.1 Temu Bual	80
3.5.2 Kaedah Analisis ATLAS.ti 8	87
3.5.2.1 Kebaikan ATLAS.ti 8	87
3.5.2.2 Kelemahan ATLAS. ti 8	89

Muka Surat

3.5.2.3 Justifikasi Penggunaan ATLAS.ti 8	89
3.5.3 Dokumentasi	90
3.6 Kaedah Analisis Data	91
3.6.1 Pengekodan	93
3.6.2 Teori	94
3.6.3 Penafsiran	95
3.7 Pelaporan	97
3.8 Kesimpulan	99

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	100
4.2 Eksplorasi Aplikasi Media	102
4.3 Ingatan Hening	106
4.3.1 Subjek	108
4.3.2 Bentuk	110
4.3.3 Kandungan	116
4.4 Koleksi 2000	119
4.4.1 Subjek	123
4.4.2 Bentuk	125
4.4.3 Kandungan	130
4.5 <i>Hamonius Interior</i>	134
4.5.1 Subjek	136
4.5.2 Bentuk	138

Muka Surat

4.5.3 Kandungan	142
4.6 Impian Merdeka	145
4.6.1 Subjek	147
4.6.2 Bentuk	151
4.6.3 Kandungan	155
4.7 <i>Secret Agenda</i>	156
4.7.1 Subjek	158
4.7.2 Bentuk	159
4.7.3 Kandungan	164
4.8 Persoalan Kajian 1	165
4.8.1 Media Dalam Karya Catan Siri Pertandingan Bakat Muda Sezaman	167
4.8.2 Keperluan Eksplorasi Media Dalam Karya Catan Siri Pertandingan Bakat Muda Sezaman	169
4.9 Persoalan Kajian 2	172
4.9.1 Teknik Yang Diaplikasi dan Dieksplorasi Dalam Karya Catan Siri Pertandingan Bakat Muda Sezaman	172
4.9.2 Gaya Perubahan Dalam Karya Catan Siri Pertandingan Bakat Muda Sezaman	175
4.9.3 Bentuk Pemikiran Yang Dieksplorasi Dalam Siri Pertandingan Bakat Muda Sezaman	177
4.9.4 Pengaruh Dalam Karya Catan Siri Pertandingan Bakat Muda Sezaman Kepada Perkembangan Seni Visua Negara	180
4.9.5 Konsep Pengkaryaan Catan Dalam Siri Pertandingan Bakat Muda Sezaman. A.1980	184
4.9.6 Konsep Pengkaryaan Catan Dalam Siri Pertandingan Bakat Muda Sezaman. B. 1990	187

Muka Surat

4.9.7 Konsep Pengkaryaan Catan Dalam Siri Pertandingan Bakat Muda Sezaman. C. 2000	190
4.9.8 Perubahan Penggunaan Media Dalam Karya Catan Pertandingan Bakat Muda Sezaman	192
4.10 Persoalan Kajian 3	197
4.10.1 Perbezaan Penggunaan Media Di Kalangan Peserta Lain Dalam Siri Pertandingan Bakat Muda Sezaman	197
4.10.2 Masalah Dalam Mengembangkan Eksplorasi Media Dalam Karya Catan Siri Pertandingan Bakat Muda Sezaman	199
4.10.3 Perancangan Dalam Mengembangkan Eksplorasi Media Karya Catan Untuk Pertandingan Bakat Muda Sezaman	203
4.10.4 Pandangan Peribadi Terhadap Eksplorasi Aplikasi Media Dalam Karya Catan dan Pertandingan Bakat Muda Sezaman	207
4.11 Kesimpulan	212

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	215
5.2 Dapatan Kajian	216
5.3 Kesimpulan Kajian	220
5.4 Implikasi Dapatan Kajian Terhadap Seni Halus	222
5.5 Cadangan Lanjutan Kajian	223

RUJUKAN	226
----------------	-----

LAMPIRAN

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Aplikasi Media Pemenang Utama Bakat Muda Sezaman Mengikut Tahun	50
2.2	Jumlah Penyertaan Dan Karya Terpilih Mengikut Tahun Dan Tema	51
3.1	Kriteria Pemilihan Sampel Kajian	60
3.2	Ringkasan Tujuan Pemilihan Pendekatan Kualitatif	63
3.3	Kronologi Kajian Utama	76
3.4	Responden Yang Di Temu Bual Mengikut Kategori Dan Jumlah Jam	81
3.5	Pemilihan Pakar Mengikut Bidang Dan Pengalaman	85
3.6	Langkah Penyediaan dan Pembinaan Item untuk Kajian Kualitatif	86
3.7	Pengekoden Tema	94
3.8	Penafsiran Transkrip Temu Bual	95
4.1	Subjek Ingatan Hening Abdul Rafiee Abdul Ghani	108
4.2	Aspek Formalistik Elemen Seni dan Prinsip Seni Reka adaptasi Ocvirk et al. (2013)	110
4.3	Reka Bentuk Ingatan Hening Adaptasi Ocvirk et al. (2013)	112
4.4	Subjek Koleksi 2000 Haron Mokhtar	124
4.5	Aspek Formalistik Elemen Seni dan Prinsip Seni Reka adaptasi Ocvirk et al. (2013)	125



**No. Jadual****Muka Surat**

4.6	Reka Bentuk Koleksi 2000 adaptasi Ocvirk et al. (2013)	127
4.7	Subjek Harmonius Interior Mastura Abdul Rahman	137
4.8	Elemen Seni dan Prinsip Seni Reka Ocvirk et al. (2013)	138
4.9	Reka Bentuk Harmonius Interior Adaptasi Ocvirk et al. (2013)	139
4.10	Subjek Impian Mereka Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani	149
4.11	Aspek Formalistik Reka Bentuk adaptasi Ocvirk et al. (2013)	151
4.12	Elemen Seni dan Prinsip Seni Reka	153
4.13	Subjek Secret Agenda Mohd Fauzulyusri Mohd Yusof	158
4.14	Aspek Formalistik Elemen Seni dan Prinsip Seni Reka adaptasi Ocvirk et al. (2013)	159
4.15	Reka Bentuk Secret Agenda adaptasi Ocvirk et al. (2013)	161
4.16	Analisis Hasil Kajian	165
5.1	Perbezaan eksplorasi media dan teknik dalam karya catan oleh pemenang Bakat Muda Sezaman mengikut era 1980-an, 1990-an dan 2000-an	219





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Reka Bentuk Kajian. Sumber: Diubahsuai daripada Siti Uzairah Mohd Tobi (2018). Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual. Kuala Lumpur: Aras Publisher.	25
2.1	Model Gabungan Organik. Diadaptasi dari Ocvirk et al. (2013)	31
2.2	Elemen Seni dan Prinsip Seni Reka. Diadaptasi dari Ocvirk et al. (2013).	34
3.1	Reka Bentuk Kajian. Diadaptasi dari Siti Uzairah Mohd Tobi, (2017). Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual. Kuala Lumpur: Aras Publisher.	56
3.2	Sampel Kajian Sumber: Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur.	58
3.3	Langkah-langkah melaksanakan analisis data menggunakan kaedah kualitatif. Sumber diubahsuai daripada Miles dan Huberman, (1994).	92
4.1	Abdul Rafiee Abdul Ghani. (1984). <i>Ingatan Hening</i> [Media Campuran]. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara, Kuala Lumpur.	107
4.2	Pembahagian Ruang	111
4.3	Penggunaan Elemen Seni Dalam Analisis Atlas.ti 8	115
4.4	Bilangan Penggunaan Elemen Seni Dalam Analisis ATLAS.ti 8.	116
4.5	Haron Mokhtar. (1987). <i>Koleksi 2000</i> . [Akrilik]. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara.	121
4.6	Pembahagian Ruang	128
4.7	Penggunaan Elemen Seni dalam Analisis Atlas.ti 8	129
4.8	Bilangan Penggunaan Elemen Seni dalam Analisis ATLAS.ti 8	130



No. Rajah		Muka Surat
4.9	Mastura Abdul Rahman. (1986). <i>Harmonius Interior</i> . [Akrilik]. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara.	135
4.10	Elemen Seni Ruang dalam Karya Mastura Abdul Rahman	140
4.11	Penggunaan Elemen Seni dalam Analisis ATLAS.ti 8	141
4.12	Bilangan Penggunaan Elemen Seni dalam ATLAS.ti 8	142
4.13	Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani. (1994). <i>Impian Mereka</i> . [Media Campuran]. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara.	146
4.14	Penggunaan Media dalam Komposisi Karya	153
4.15	Penggunaan Elemen Seni dalam Aplikasi ATLAS.ti 8	154
4.16	Penggunaan Elemen Seni dalam ATLAS.ti 8	155
4.17	Mohd Fauzulyusri Mohd Yusof. (2002). <i>Secret Agenda</i> . [Media Campuran]. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara.	157
4.18	Jalinan Dan Pergerakan Dalam Karya	162
4.19	Penggunaan Elemen Seni dalam Analisis ATLAS.ti 8	163
4.20	Bilangan Penggunaan Elemen Seni Dalam Analisis ATLAS.ti 8	164



SENARAI SINGKATAN

ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
BMS	Bakat Muda Sezaman
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PVA	<i>Polyvinyl Acetate</i>
UNESCO	<i>Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation</i>



SENARAI LAMPIRAN

- A Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan
- B Surat Pelantikan Pakar Kesahan Instrumen Temu Bual
- C Borang Persetujuan Menjadi Panel Pakar
- D Soalan Temu Bual. Kesahan Kandungan Pakar
- E Surat Memohon Kebenaran Menjalankan Temu Bual Penyelidikan
- F Surat Akuan Responden
- G Transkrip Temu Bual Responden
- H Sijil Pembentang Kertas Kerja
- I Sijil Penghargaan Kepada Responden

BAB 1

PENGENALAN

Dunia catan sangat unik kerana proses menghasilkan karya dengan menggunakan media pewarna pigmen terlarut dalam pelarut dengan agen pengikat (Mumtaz Mokhtar, 2016) kepada permukaan sokongan seperti kertas, kanvas dan dinding. Semasa penjajahan British pada tahun 1930 catan moden Malaysia diperkenalkan. Bermula semenjak itu, artis telah menggunakan pigmen di atas kertas dan kanvas dan mengeksplorasi media seperti warna air, cat akrilik dan cat minyak. Artis memainkan peranan yang sangat penting menurut Mumtaz Mokhtar (2016), antaranya adalah menerusi persembahan idea utama dan ekspresi serta mesej yang ingin disampaikan kepada khalayak menerusi daya imaginasi dan tafsiran minda mereka.



Pelbagai persoalan timbul berkaitan dengan catan antaranya Rorty (2014, p. 3) telah mengutarakan beberapa persoalan berkaitan media-media karya catan iaitu samaada dicat di atas kayu, kanvas, kertas, plaster serta bagaimana media itu menjejaskan penampilan catan. Beliau telah membandingkan ikon Rusia, Giotto Fresco dengan Titian, Van Gogh, karya kolaj Mattise dengan pastel Renoir serta karya cat minyak Renoir, cat kapur Toulouse Lautree dengan salah satu potret catan minyaknya dalam subjek yang sama. Perbezaan permukaan yang dicat dalam catan minyak, tempera dan pastel. Selain aspek fizikal, media juga sangat mempengaruhi penglihatan khalayak. Jadi, begitulah antara persoalan-persoalan yang timbul berbeza dengan karya seni artis tempatan, berpandukan imejan dan media yang dihasilkan.

Menurut Fairus Ahmad dan Abdul Halim Husain (2016, p. 160) empat elemen utama yang diutarakan dalam pembentukan seni visual antaranya berkaitan dengan media yang digunakan oleh artis seperti teknik, unsur formalistik dan idea keseluruhan pada karya. Seni hadir dan berlangsung adalah hasil daripada keperluan serta kehendak manusia yang ingin melepaskan ekspresi, keseniannya melalui pengucapan media, idea dan pengalaman kehidupan.

Aplikasi media seni adalah penting menurut, Mohamad Faizuan Mat (2017) untuk pembangunan seni visual. Artis perlu mendedahkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat. Selain itu, menerusi hasil karya seni visual serta beberapa aktiviti lain seperti ceramah, perbincangan dan penulisan jurnal. Dalam usaha untuk merealisasikan acara ini, pihak kerajaan perlu memainkan peranan penting kepada kandungan pelajaran seni visual dan menekankan pembangunan bidang seni visual dari aspek epistemologi.





Oleh yang demikian Zanita Anuar (1999, p. 20) telah menyatakan bahawa artis muda adalah antara mereka yang paling cepat mencapai apa-apa yang dianggap pembaharuan kepada kaedah lama. Setiap pertandingan menjadi pentas untuk menyaksikan cara artis menggunakan imej bahan dan media baharu. Manakala Jahani Ali (1993), telah menerangkan bahawa artis seni adalah hasil pemikiran inspirasi dan intuisi manusia untuk menggambarkan dengan berbagai cara hubungan yang wujud di antara bentuk dengan makna, di antara rupa dengan hakikat. Bagi menghasilkan sebuah karya seni, seseorang artis memerlukan media dan permukaan untuk menyampaikan ideanya. Media merupakan suatu keperluan yang wajib ada, ketiadaannya menyebabkan proses penyampaian idea kepada khalayak tidak akan terlaksana.



menghasilkan sesuatu tujuan. Media atau bahan juga adalah alat yang digunakan dalam penghasilan sesebuah karya seni. Zanita Anuar (1999) dan Jahani Ali (1993) menyokong Nasir Baharuddin (2006, p. 8-11) bahawa artis muda Malaysia mestilah berupaya menjana dan menghasilkan karya yang lebih menarik. Bukan sahaja manipulasi teknikal yang penting tetapi juga berjaya membawa sesetengah jenis anjakan paradigma sama ada melalui aplikasi media, bahasa atau konteks sekeliling.

Mencatan ialah proses menghasilkan seni dengan menggunakan media berwarna atau cat yang disapu ke atas sesuatu permukaan yang rata. Gambar atau lukisan menggunakan cat adalah aktiviti catan yang membolehkan seseorang menyedari serta dapat merakamkan kesan cahaya pada bentuk, rupa serta susunan yang terdapat pada alam sekitar. Catan juga merupakan media yang paling lama dan penting





dalam seni visual. Seorang artis mencipta karya seni halus dengan mengatur elemen seni pada permukaan yang rata dalam pelbagai cara. Kadang-kadang dalam bentuk visual menarik dan kadangkala mengejutkan. Hubungan reka bentuk yang unik dipersembahkan kepada khalayak menawarkan idea baharu dan memberikan bentuk kepada perasaan yang paling mendalam melalui artis yang menggambarkan kepada kita aspek kehidupan yang mungkin diabaikan.

Sejarah catan dikatakan bermula pada Zaman Yunani Purba dan gambaran yang dihasilkan mengisahkan aktiviti keagamaan menggunakan media mozek dan fresco. Manakala pada zaman pembaharuan yang merupakan zaman kemuncak seni lukis di Eropah, media yang digunakan ialah cat minyak, cat air, fresco dan tempera. Pada abad ke-20, muncul satu aliran baharu dalam persembahan catan yang mempersembahkan karya seni abstrak dan semi abstrak. Catan dihasilkan melalui proses penghasilan karya seni dengan mengaplikasi bahan berwarna atau cat yang disapu ke atas sesuatu permukaan yang rata. Sharida Shaharudin (2015). Di Malaysia, catan mula berkembang sekitar tahun 1930-an. Antara artis yang terkenal ialah Abdullah Ariff dan Yong Mun Sen yang banyak menggunakan media cat air. Seterusnya, menurut Redza Piyadasa (2002) pula sesebuah karya seni yang bermutu itu adalah sesuatu yang merupakan sebuah dokumentasi dan rakaman peristiwa yang mempunyai signifikan tertentu.

Karya catan oleh artis-artis kontemporari Malaysia yang terkenal dilihat oleh Rizhar Arahim (2016) sebagai perkara dalam mencerminkan penyelidikan tanpa henti terhadap budaya dan sejarah, teori dan praktik, kemanusiaan dan perkara, teknik dan media. Termasuk juga karya catan oleh artis-artis terkenal seperti Yusof Ghani, Awang



Damit Ahmad, Peter Liew, Tajuddin Ismail, Chang Fee Ming, Ahmad Zaki Anwar dan juga Choong Kam Kau. Menurut (Gombrich, 1995; Fairus Ahmad & Abdul Halim, 2016, p. 5) dalam *The Story of Art* yang melihat catan dan ilustrasi konvensional tidak lagi dianggap penting, tetapi sebaliknya mengutamakan soal idea dan fungsi media dalam mempengaruhi gaya seni catan moden. Perimbangan di antara media dengan idea memberikan kesan yang kuat ke atas permukaan karya. Istilah meminjam dan memadankan media sedia ada ke dalam bahasa visual dianggap sukar melalui penerimaan seni catan tradisi. Selain itu, Fairus Ahmad dan Abdul Halim (2016, p. 5) mengukuhkan hal ini dengan melihat representasi melalui perspektif serentak pada bentuk dua dimensi kini telah dibahagikan kepada kepelbagaian. Antara aspek bersilang dan berpasangan ini menghasilkan struktur permukaan yang secara radikal menafikan organisasi ruang mengikut perspektif pusat.

Karya seni visual yang biasa adalah disebut sebagai catan. Lukisan dianggap sebagai lakaran awal sebelum seseorang artis itu berkarya menghasilkan catan. Pelbagai media digunakan dan diolah oleh artis untuk menghasilkan sesuatu catan yang mempunyai nilai estetikanya bermula dari media-media organik. Selain telah diperkayakan dengan idea dan kemahiran tersendiri maka ianya diolah, disusun atur dan digarap dengan baik dalam proses menghasilkan beberapa rupa bentuk sehingga menjadi karya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bagi artis yang menghasilkan karya, kaedah diaplikasi berbeza dari segi komposisi, bentuk, warna dan penggunaan media. Oleh yang demikian, sapuan berus sangat penting dalam proses mencatan. Sejarah menunjukkan hubungan yang unik di antara catan dengan sapuan berus yang dimainkan dalam banyak karya telah ditemui. Kemunculan fotografi telah memberikan kesan yang besar terhadap catan pada hari ini. Manusia memerlukan komputer untuk mengecat walau bagaimanapun, menurut Suda (2018) seni catan masih memainkan peranan relevan dalam kehidupan kita.

Catan dalam konteks tradisinya seringkali dilihat agak terpinggir, tua dan juga kuno seperti yang telah dinyatakan oleh Hasnul Jamal Saidon (2004, p. 16), sekiranya dibandingkan dengan suasana hiruk pikuk Bakat Muda Sezaman yang selepas ini disebut sebagai BMS. Namun demikian, kehadiran catan dalam BMS boleh diambil sebagai suatu yang melegakan dan diperlukan, suatu ruang untuk kembali kepada tradisi kepada sesuatu yang intim, sunyi dan kontemplatif berbanding dengan pertembungan bersifat pukul dan lari yang seringkali menandai interaksi dengan karya-karya BMS yang lantang.

Penganjuran BMS sepanjang dekad 1980-an menunjukkan pencapaian yang membanggakan dengan penganjuran yang konsisten iaitu sebanyak sembilan kali mulai tahun 1982 sehingga 1990. Bahkan karya-karya yang dipamerkan mengetengahkan kehalusan, kreativiti dan berinovasi sesuai dengan bentuk tradisi sezaman. Mungkin ini menunjukkan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada 1972 dan Seminar Akar-Akar Peribumi tahun 1979 telah menampakkan kesan dan pengaruhnya.



Pada tahun 1981 penganjur menerima 151 karya daripada 44 peserta. Format dari segi had umur dan penghantaran slide berwarna masih dikekalkan. Apa yang menariknya adalah jumlah penerima hadiah selain Hadiah Utama berjumlah RM 2,000 dan tiket kapal terbang ke Sydney. Panel telah menambah tiga lagi untuk diberikan Hadiah Saguhati RM 1,000 setiap seorang. Perihal dengan memberi hadiah saguhati ini boleh dilihat sebagai pendorong agar berusaha lebih lagi pada tahun-tahun mendatang bagi karya artis muda yang berpotensi menang di peringkat akhir penjurian namun tidak berjaya untuk diberi kemenangan Hadiah Utama.

Had umur peserta yang layak menyertai mula dinaikan daripada 30 tahun kepada 35 tahun bermula dari tahun 1982. Hal ini dilakukan selaras bagi mengikut usia maksimum belia atau kaum muda oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang menjaga hal kepentingan belia. Oleh yang demikian umur bagi syarat kelayakan BMS perlu mematuhi garis panduan yang diputuskan oleh penggubal. Pada tahun ini penganjur menerima 191 karya daripada 78 peserta. Karya yang terpilih untuk dipamerkan adalah sebanyak 97 karya daripada 39 peserta. Pada edisi yang keenam pada tahun 1983, Hadiah Saguhati telah ditambah kepada empat hadiah di mana penganjur telah menerima 158 karya daripada 46 artis dan hanya 84 karya terpilih di peringkat akhir penjurian. (Katalog Bakat Muda Sezaman, 2019).

Pertambahan Hadiah Kecil (*Minor Award*) tidak terhenti di situ sahaja, tetapi hadiah ini telah ditambah sekali lagi kepada lima hadiah di samping Hadiah Utama pada tahun 1984. Pada tahun ini penganjur telah menerima 104 karya daripada 41 artis dengan 85 karya terpilih untuk dipertandingkan. Penetapan satu Hadiah Utama dan lima Hadiah Kecil ini terus dilaksanakan selama 13 tahun sehinggalah pada tahun 1997





apabila hadiah dipecahkan mengikut kategori. Pada tahun ini BMS mula mendapat tajaan syarikat korporat swasta seperti *Malaysia Tobacco Company* manakala syarikat minyak dan gas iaitu ESSO Malaysia telah menaja dari tahun 1985 sehinggalah pertengahan 1990-an.

Ada dua penambahbaikan yang dilakukan bermula pada edisi ke lapan pada 1985. Pertama pertandingan telah mula diperkenalkan secara bertema dan kedua syarat penghantaran telah diperketatkan di mana seorang artis hanya boleh menghantar maksimum tiga karya sahaja. Pengacaraan bertema ini telah dilaksanakan selama tujuh edisi BMS. Antara tema-tema yang pernah dipilih adalah tema Media-media Tempatan pada tahun 1985. Manakala tema Keamanan sempena Tahun Keamanan Antarabangsa pada tahun 1986. Seterusnya tema Perlindungan kepada yang Tiada Kediaman oleh UNESCO pula pada tahun 1987. Pada tahun 1988 media juga pernah menjadi tema penting dalam BMS iaitu Media dan Kreativiti.

Selain itu, tema Literasi tahun 1989, tema Lawat Malaysia 1990 pada tahun 1990 dan tema Warisan Kita pada tahun 1991. Sungguhpun begitu tiada lagi kesempatan yang diberikan oleh pengajur kepada pemenang Hadiah Utama apabila geran perjalanan keluar negara tidak diberikan pada tahun 1980-an sehinggalah pada pertengahan 1990-an. Pada tahun 1991 BMS dijalankan dengan bertemakan Warisan Kita. Maklum balas yang diterima daripada panel penilai dan juga peserta sendiri menyatakan bahawa acara yang dijalankan secara bertema ini telah menghadkan pergerakan mereka untuk berekspresi dan bereksperimentasi. Oleh yang demikian, pada edisi 1992 pengajur merasakan adalah perlu agar pertandingan berbalik kepada landasan yang asal dengan memberi ruang yang lebih peserta untuk bereksplorasi.



Maka dengan penstrukturan semula format BMS pada tahun awal 1990-an telah menerima minat yang lebih mendorong oleh artis muda.

Pada edisi yang ke 15 BMS telah terbukti menerima penyertaan terbesar dalam statistik penganjurannya iaitu pada tahun 1992 dengan 425 karya daripada 223 artis di mana 119 karya daripada 66 peserta mengesahkan menyertai pertandingan. Seterusnya, pada tahun 1993 dan 1995 acara ini tidak dilaksanakan. Pada 1994 BMS telah menimbulkan kontroversi apabila tiada pemenang yang diberikan Hadiah Utama apabila hanya 11 hadiah kecil yang berjumlah RM 11,000 telah diberikan. Pada tahun itu BMS menerima 295 karya daripada 134 artis dengan 133 karya terpilih untuk dipamerkan.

 05-4506832
 
 Pada 1996, perubahan dari segi format penyertaan BMS sekali lagi telah dilakukan. Panel berpendapat adalah tidak adil kepada mereka untuk membuat penilaian dan penghakiman karya-karya dalam satu pertandingan yang menghimpun semua genre seni halus darada segi olahan, skala dan hasrat dalam satu pertembungan adalah faktor yang utama. Manakala yang kedua pula slaid telah mula diperlukan semula untuk membuat pemilihan karya-karya yang paling bemutu selain menjimatkan masa dan ruang penghakiman. Seterusnya, syarat penyertaan umur artis mula diperketatkan 20 sehingga 30 tahun agar mereka diberikan masa sekurang-kurangnya dua tahun selepas keluar dari institusi seni bagi menimba pengalaman di luar terlebih dahulu sebelum bertanding.

Pada edisi ini BMS menerima 297 penyertaan daripada 222 artis. Hanya 43 karya sahaja yang layak telah dipertimbangkan ke peringkat akhir. Hadiah pemenang telah dinilai semula semenjak 1984 yang bernilai hanya RM 8,000 secara keseluruhan. Panel bersetuju untuk menambahkan nilai hadiah mengikut keperluan semasa dari segi kos dan media yang telah digunakan oleh artis. Mulai 1996 pemenang hadiah utama menerima RM 6,000 dan geran perjalanan RM 3,000 dan lima hadiah kecil berjumlah RM 2,000 setiap seorang dan geran perjalanan RM 2,000 dengan jumlah keseluruhan bernilai RM 29,000.

Hasil daripada perbincangan edisi BMS sebelumnya, pengadil dan hakim dari luar terutamanya dalam kalangan negara ASEAN telah dijemput bersama bagi meningkatkan lagi mutu pengadilan dan juga menyemarakkan lagi semangat Asia Tenggara. Pengkategorian mula diperkenalkan, pada 1997 BMS telah menerima 76 karya iaitu 35 karya dari kategori catan, 17 karya arca atau instalasi, sembilan karya cetakan atau fotografi, dan lapan karya multimedia atau eksperimental. Namun demikian, terdapat panel yang mempersoalkan penetapan empat kategori yang membataskan pengkaryaan artis. Pembahagian hadiah telah dirombak dengan satu hadiah keseluruhan, empat hadiah pemenang mengikut kategori dan satu hadiah penghargaan juri yang baharu diperkenalkan. Hadiah kemenangan sekali lagi telah ditambah kepada RM 9,000 dengan jumlah keseluruhan RM 38,000.

BMS sekali lagi tidak dapat dilaksanakan pada 1998 dan setahun kemudian pula ditumpukan untuk menjalankan penyelidikan tentang keberkesanan program selepas 23 tahun ia berjalan. Pameran Imbasan Bakat Muda Sezaman iaitu (1974-1977) adalah sebuah pameran pengumpulan semula para pemenang yang lepas dalam bentuk



dokumentasi video dan cetak selama lebih dua dekad BMS diadakan. Terdapat beberapa ketetapan yang dikenalpasti melalui pameran ini antaranya yang pertama ialah BMS perlu mengikut keperluan dan perubahan semasa. Seterusnya objektif, format dan prestasi telah diubah semula, acara diadakan dua tahun sekali dan akhir sekali hadiah juga telah ditambah. (Katalog Bakat Muda Sezaman, 2019).

BMS alaf baru berjaya dilakukan dua tahun sekali atau Bakat Muda Sezaman Biennial ini telah mencapai hasratnya untuk dijalankan secara dwi-tahunan kecuali pada tahun 2008. Beberapa format baharu telah dijalankan antaranya, pertama had umur bawah 35 tahun. Kedua artis perlu menghantar sekurang-kurangnya lima slaid hasil karya yang dibuat dalam dua tahun yang lepas dan hasil daripada slaid yang dinilai oleh hakim pertandingan. Hanya artis yang layak sahaja akan dijemput untuk menghantar karya. Ketiga, penghakiman ke atas karya sebenar dilaksanakan untuk menentukan artis yang berjaya.

Pada tahun 2000 penganjur menerima 86 karya daripada 36 artis, hanya 27 artis sahaja yang dikehendaki menghantar karya akhir mereka. Hadiah keseluruhan berjumlah RM 45,000 dibahagikan kepada satu hadiah utama iaitu sebanyak RM 10,000 dan waran perjalanan RM 3,000 ke sebuah negara ASEAN dan penerbitan folio khas artis RM 2,000, tiga hadiah khas juri RM 5,000 bersama waran perjalanan RM 3,000 ke sebuah negara ASEAN, enam hadiah penghargaan RM 1,000 setiap seorang.





Format dua edisi berikutnya iaitu pada tahun 2002 dan 2004 diteruskan di mana 28 penyertaan diterima pada tahun 2002 dan 35 penyertaan datangnya daripada tahun 2004. Pada 2006 hanya 31 karya dipertandingkan namun tiada pemenang utama diumumkan. Di sebabkan panel tidak menemui pemenang maka digantikan dengan dua hadiah bina yang bertujuan untuk melihat lagi dan perkembangan semula dua artis yang dikenal pasti begitu hampir memenangi hadiah utama. Panel juga telah menukar hadiah khas juri dan hadiah penghargaan yang dijalankan pada tiga edisi sebelum ini kepada hanya hadiah juri iaitu seramai lapan orang pemenang.

Pada tahun 2008, acara ini tidak diadakan dan dianjurkan dua tahun kemudian. Pada 2010 dijalankan semula dengan format penyertaan yang agak berbeza di mana seseorang artis perlu dicadangkan atau disyorkan untuk layak mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Pencadang yang mencadangkan artis ini pula terdiri daripada mereka yang telah biasa dengan pengkaryaan atau mengetahui latar belakang artis yang terdiri daripada latar belakang profesional seni seperti kurator, pensejarah seni, ahli akademik, pengkritik, penulis, pemilik galeri, pengumpul mahupun rakan artis. Format baharu ini telah menerima seramai 80 penyertaan. Namun, hanya 40 karya sahaja yang dipertimbangkan benar-benar layak untuk dipertandingan di peringkat akhir (Katalog Bakat Muda Sezaman, 2019).

Apabila ditinjau secara umumnya, Sidik (2012), mengatakan bahawa format BMS bermodelkan pertandingan adalah untuk tujuan mencari bakat dan berserta tawaran hadiah. Walaupun begitu, ada yang mencadangkan agar BMS tidak lagi dilaksanakan secara pertandingan kerana tidak membentuk seni lukis kita secara jujur kerana ada artis hanya akan berkarya semata-mata untuk memenangi hadiah yang



ditawarkan. Ada juga pendapat yang mengatakan agar acara ini kembali semula kepada model terawal itu secara jemputan seperti Turner Prize dimana artis-artis muda yang dirasakan berkaliber sahaja dilakukan penilaian dengan membuat lawatan-lawatan ke tempat atau studio mereka berkarya.

Azian Haji Tahir (2009) menyatakan bahawa BMS merupakan pertandingan kesenian melalui penghasilan karya yang berprestasi tinggi kontemporari di Malaysia bagi mencari bakat-bakat baharu. Pendapat Ragan (1995), pula menyatakan bahawa pengkarya seni halus menghasilkan karya seni dengan tujuan untuk mempamerkan perasaan dalaman, menzahirkan ekspresi diri dan bagi berkomunikasi melalui sesuatu idea. Perkara ini juga turut disokong melalui Wairah Marzuki (1999), yang mengatakan bahawa artis telah membuat keinginan para pemaju seni tanah air untuk mengadakan suatu aktiviti yang serius bagi artis-artis yang semakin meningkat maju dan dizahirkan dengan kewujudan pertandingan dan pameran Pelukis-pelukis Muda Sezaman pada tahun 1974. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa artis memerlukan komunikasi melalui hasil karya dan perlu disokong oleh pihak luar untuk terus cemerlang dalam arena seni lukis negara amnya.

Dalam perbincangan tentang keunggulan seni yang bakal menempa sejarah, dimensi masa amat penting dalam pengiktirafan kesempurnaan sesuatu hasil karya. Kepentingan masa itu menjadi faktor yang dinilai dengan amat teliti. Sesetengah dari kita mementingkan detik pengawal atau permulaan masa, dana dan yang memberi sepenuh perhatian terhadap karya ketika kini, selainnya mentafsir tentang masa depan. Namun sekumpulan dari kita sahaja yang berpandangan jauh seperti para pelopor program Bakat Muda Sezaman.



Menurut Zanita Anuar (1999), dengan bertambahnya bilangan artis muda keluaran institusi seni yang memerlukan suatu platform untuk menunjukkan bakat, maka dilancarkan program berjudul Pelukis Muda Sezaman.

1.3 Permasalahan Kajian

Karya seni ialah hasil ekspresi estetik yang berasaskan idea awal seorang artis. Selain itu juga adalah merupakan hasil pengalaman dan kemahiran dalam mengeksploitasikan media dan teknik. Abdul Halim Husain (2011, p. 160) mengatakan bahawa seseorang artis akan cuba mengolah media berasaskan idea yang ingin dilakukannya bagi menghasilkan karya seni sama ada berbentuk tampak, bunyi atau persembahan dengan nilai-nilai ekspresi yang diluahkan oleh artis serta mempunyai bentuk dan makna tertentu yang dapat dihayati oleh orang lain.

Kewujudan seni adalah hasil keperluan manusia yang ingin melepaskan rasa keseniannya melalui media serta teknik, idea dan juga menerusi pengalaman. Manusia yang berseni merupakan individu yang ingin menunjukkan rasa dalam diri untuk diluahkan kerana keperluan asas sebagai seorang manusia. Setiap hasil karya seni tidak terlepas dari bentuk-bentuk tertentu yang boleh diterapkan untuk memahami maknanya (Tjetjep Rohendi Rohidi, 2000) dan (Abdul Halim Husain, 2004).





Artis biasanya membuat eksperimen terhadap media yang baharu ditemui bagi mencapai kepuasan dalam menghasilkan karya supaya dapat menyampaikan mesej atau idea dengan berkesan. Hal ini adalah kerana media ini mempunyai peranan dan batasnya yang tersendiri. Walaubagaimanapun, penggunaan media ini bergantung kepada artis, bagaimana cara ia mengolahnya dan teknik-teknik yang digunakannya.

Di dapati pada awal tahun 1930 sehingga tahun 1950 media yang digunakan adalah sama. Pada tahun 1980 kita dapat melihat perubahan dalam seni lukis yang mana era seni lukis moden Malaysia bermula. Melalui peralihan penggunaan media-media baharu persoalan yang timbul ialah bertujuan meninjau beberapa faktor yang mempengaruhi perkembangan media dalam seni catan di Malaysia. Bagaimana media tersebut boleh berkembang daripada media konvensional kepada media campuran dan yang terbaharu ialah media elektronik. Selain melihat perkembangan penggunaan media dari aspek apresiasi karya dalam kajian ini.

Menurut Zanita Anuar, (1999) dalam Dialog Bakat Muda Sezaman Edisi ke-23, Majalah Seni Kini Isu 2 muka surat 4-6, Balai Seni Visual Negara, soal yang ketiga ada menyebut tentang eksplorasi media. Beliau mengakui di dalam setiap edisi BMS terdapat penerokaan media-media baharu dan tambahan pula jika dilihat terdapatnya minat dalam meneroka berasaskan media elektronik dan perkakasan. Perkara ini adalah merupakan sesuatu yang sihat untuk seni di Malaysia. Namun perlu menunjukkan tentang kemajuan seni rupa kerana banyak karya-karya yang diekspresi dengan ghairah. Walaupun begitu tetap memerlukan perhubungan antara karya dihasilkan menerapkan unsur pendidikan serta mempunyai input yang bersesuaian. Jika diperhatikan kesatuannya (*unity*) masih boleh dipersoalkan berkenaan subjek, isi dan bentuk iaitu





perihal yang asas dalam pengkaryaan banyak dibuat secara sambil lewa. Senario yang berlaku dan bukan kita mahu menyalahkan sesiapa tetapi merupakan tanggungjawab semua orang untuk memikirkannya. Pandangan awal yang ingin diketengahkan ialah Institusi pendidikan seninseharusnya melihat perkara ini dalam memperkemaskan kurikulum manakala penulis seni atau pemberita juga harus mempelajarinya dengan lebih baik.

Dalam kajian ini, enyelidik ingin mengenal pasti tentang media yang diaplikasi oleh artis muda pemenang BMS Malaysia, selain kesan teknik aplikasi media ke atas prestasi karya catan tersebut. Namun tiada maklumat terperinci yang menghuraikan pengolahan media, teknik dan idea karya-karya tersebut yang menjadikan hanya golongan celik seni lukis sahaja yang dapat menghayatinya, Azian Haji Tahir dan Rosiah Md Noor (2009). Hal ini disebabkan oleh ketiadaan maklumat tentang eksplorasi media berkaitan catan dan penyelidik ingin mengetahui lebih jelas tentang faktor kemenangan artis muda yang menjadi pemenang dalam BMS di Malaysia. Perkara ini menyebabkan terdapat jurang yang sangat luas di antara artis dengan masyarakat. Walhal, karya-karya seni catan adalah sebahagian daripada wadah budaya bangsa yang seharusnya dapat dihayati dan difahami oleh semua golongan masyarakat.

Kajian ini juga adalah bertujuan untuk melihat kaitan penggunaan media dalam kalangan artis terhadap prestasi hasil karya melalui BMS mereka. Selain itu juga mengenal pasti aplikasi media baharu dalam BMS kerana ia menunjukkan tentang kemajuan seni rupa Malaysia.



1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ialah:

1. Mengenal pasti eksplorasi terhadap aplikasi media dan teknik dalam karya catan siri pertandingan Bakat Muda Sezaman dalam era 1980-an, 1990-an dan 2000-an.
2. Menganalisis aplikasi media dan teknik dalam karya catan siri pertandingan Bakat Muda Sezaman dalam era 1980-an, 1990-an dan 2000-an.
3. Menginterpretasi eksplorasi aplikasi media dan teknik dalam karya catan siri pertandingan Bakat Muda Sezaman dalam era 1980-an, 1990-an dan 2000-an.

Oleh itu, bagi mencapai objektif, persoalan yang timbul bagi menggerakkan kajian ini adalah:

1. Apakah eksplorasi terhadap aplikasi media dan teknik dalam karya catan yang dihasilkan dalam siri pertandingan Bakat Muda Sezaman era 1980-an, 1990-an dan 2000-an?
2. Bagaimanakah ciri-ciri aplikasi media dan teknik yang digunakan dalam karya catan siri pertandingan Bakat Muda Sezaman dalam era 1980-an, 1990-an dan 2000-an?
3. Bagaimanakah artis dapat mengeksplorasi aplikasi media dan teknik dalam penghasilan karya seni catan siri pertandingan Bakat Muda Sezaman dalam era 1980-an, 1990-an dan 2000-an?

1.6 Signifikan Kajian

Dalam seni catan, pengamatan dan pengalaman terhadap masyarakat serta budaya biasanya dirakam oleh artis di atas permukaan yang bersifat rata atau dua dimensi dengan menggunakan media tertentu seperti cat minyak dan cat air, bersesuaian dengan mesej yang ingin diungkapkan. Karya seni yang menggunakan media dan permukaan ini menjadikan keperluan catan asas amat penting kerana menurut, Muliyadi Mahamood (1995) karya yang dihasilkan berupaya menjadi bahan rujukan dan dokumentasi sejarah, masyarakat dan juga budaya.

1.6.1 Aspek Teori

Kajian ini akan menambah ulasan penggunaan media dalam karya catan di Malaysia. Di samping menambah baik Teori Gabungan Organik (Ocvirk, 2013) dengan melihat interpretasi dengan kepelbagaian penggunaan media merentas era dalam hasil karya catan di Malaysia. Aspek penggunaan media dilihat dari aspek psikomotor apabila artis-artis perlu memainkan peranan masing-masing mengikut kepakaran dan keistimewaan yang ada pada setiap individu. Tugas, tanggungjawab dan kepakaran dikongsi bersama dan perlu dilakukan secara kolaboratif diterapkan secara perlahan-lahan dari semasa ke semasa bagi memastikan artis-artis belajar dan bergerak aktif dan sentiasa kreatif seiring dengan arus kemodenan untuk membantu dunia seni lukis di Malaysia khususnya. Ini menjadikan kajian ini lebih penting untuk dilaksanakan.

1.6.2 Aspek Praktikal

Hasil kajian diharapkan membantu semua pihak terutamanya artis bersama-sama bergiat aktif bagi memastikan perkembangan seni visual mampan sepenuhnya sehingga dapat meningkatkan kualiti artis membuat penerokaan terhadap penggunaan media dalam penghasilan karya seni visual.

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa kepentingan tertentu, khususnya kepada pihak yang terlibat dalam seni terutama catan di Malaysia. Selain itu, pihak sekolah perlu mengenal pasti permasalahan guru dalam pengaplikasian eksplorasi catan serta penggunaan media. Antaranya ialah menyediakan pembantu guru dalam mengaplikasikan media di samping membantu merungkai masalah-masalah yang dihadapi oleh guru untuk melaksanakannya di sekolah. Pihak Bahagian Pendidikan Guru (BPG) pula membantu bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai impak aplikasi media dalam karya seni terhadap inovasi guru. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga perlu membantu pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dalam mengenal pasti tindakan atau perancangan yang perlu dilakukan bagi mencapai kecemerlangan akademik dan kokurikulum. Akhirnya, profesion pendidikan negara dapat ditingkatkan dalam kalangan guru dan murid di samping melahirkan modal insan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 sehingga 2025.

1.7 Limitasi Kajian

Kajian ini akan dilaksanakan dalam kalangan artis, pakar dan kurator yang pernah memenangi serta terlibat secara langsung dalam pertandingan BMS. Pertandingan ini di bawah kelolaan Balai Seni Negara serta melibatkan tiga kategori responden iaitu artis, pakar dan kurator. Selain masih bergiat aktif dalam industri seni iaitu dalam negara Malaysia. Justeru, hasil kajian ini hanya boleh dijadikan sebagai landasan dalam konteks penggunaan media dan teknik bagi mendapatkan maklumat daripada para artis, pakar dan kurator pameran khasnya dan di Malaysia amnya. Hasil kajian ini juga boleh digeneralisasikan untuk keseluruhan para artis seluruh negara dan juga dunia.

Batasan kajian tempat tertumpu di lokasi kajian dalam negara antaranya adalah Balai Seni Negara dan Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Di samping itu juga, lokasi responden kajian hanya dilihat terlibat dalam pertandingan BMS dalam Malaysia. Selain lokasi melibatkan beberapa tempat yang menjadi tumpuan pameran artis di antara tempat yang akan dijadikan rujukan adalah Balai Seni Negara dan Galeri Shah Alam.

1.7.2 Limitasi Responden

Kajian ini hanya terbatas kepada tiga kategori responden iaitu pertama, enam orang artis, kedua, tiga orang pakar bidang Seni Halus yang juga merupakan pakar akademik dan ketiga pula merupakan seorang kurator. Bagi batasan responden, pemilihan terdiri dari pakar, artis dan kurator Balai Seni Negara yang terlibat secara langsung dalam BMS. Semua data diperolehi daripada individu-individu yang berlainan.

1.7.3 Limitasi Ruang

Data dikumpul pada keadaan dan tempat yang berlainan. Data temu bual diperolehi melalui pelbagai lokasi berdasarkan kesediaan responden untuk ditemu bual berdasarkan masa yang bersesuaian. Penyelidik tidak mahu menyukarkan keadaan bagi responden. Oleh yang demikian, penyelidik bersetuju menjalankan sesi temu bual bersama berdasarkan tempat yang telah ditentukan oleh responden dalam negara Malaysia. Antara lokasi yang akan dijelajahi oleh penyelidik dalam negara antaranya adalah negeri Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Sarawak, Perak dan Kuala Lumpur khususnya.

1.7.4 Limitasi Masa

Batasan masa adalah bermula dari tahun 1980-an, 1990-an dan 2000-an dan dikumpul pada masa yang berlainan. Penyelidik membataskan karya yang menjadi sumber rujukan hanya pada tahun 1980-an, 1990-an dan 2000-an sahaja. Batasan masa yang digunakan adalah mulai Februari sehingga September 2019 untuk menemu bual para pakar, artis dan juga kurator Balai Seni Negara.

1.7.5 Limitasi Kandungan

Karya yang menjadi rujukan dalam kajian yang dipilih adalah terbatas hanya kepada karya catan Katalog Bakat Muda Sezaman mulai 1980 sehingga 2016 dan lima karya Bakat Muda Sezaman. Pemilihan sampel ini menggunakan prosedur persampelan rawak berdasarkan penyertaan dan kemenangan dalam Bakat muda Sezaman. Menurut Noraini Idris (2013) kelebihan atau kebaikan pensampelan rawak mudah ini ialah jika bilangan sampel besar maka sampel yang dipilih akan mewakili populasi.

Dalam kajian ini, beberapa artis utama dijadikan batasan kajian iaitu, penyelidik akan mengkaji karya catan yang dihasilkan oleh Abdul Rafiee Abdul Ghani, Mastura Abdul Rahman, Haron Mokhtar, Wan Jamarul Imran dan Mohd Fauzulyusri. Katalog pameran yang bermula pada tahun 1974 sehingga 2019 turut menjadi panduan penyelidik sebagai rujukan khas. Seterusnya penyelidik juga bertuah kerana dalam masa yang sama dapat melihat karya catan terkini yang terdapat dalam koleksi peribadi artis semasa bertemu di studio dan lokasi seperti yang dijanjikan sewaktu sesi temu

bual bersama responden dilaksanakan. Penyelidik memfokuskan kepada catan-catan yang dihasilkan oleh pemenang BMS terpilih terutama karya catan dan keutamaan kepada interpretasi intrinsik dalam catan artis.

Pemerhatian memfokuskan media dan teknik dalam karya yang dihasilkan oleh artis terlibat dalam pertandingan dalam tersebut. Dalam Bab empat, penyelidik akan memilih lima catan dalam dekad di antara tahun 1980-an, 1990-an sehingga tahun 2000-an. Catan dipilih adalah Ingatan Hening (1984-an), Koleksi 2000 (1987-an), *Harmonius Interior* (1986-an), Impian Mereka (1994-an) dan *Secret Agenda* (2002).


Pemilihan lima karya catan mengikut era yang dipilih oleh penyelidik adalah kerana melihat nilai-nilai intrinsik yang dilakukan oleh mereka melalui pengalaman hidup sebagai artis. Lima catan yang dipilih juga merupakan catan yang sangat penting dalam menjelaskan elemen seni melalui garisan, rupa, bentuk, jalinan, ruang dan warna juga makna berkaitan dengan aspek sebagai pemenang BMS.

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep yang digunakan dalam kajian ini. Intraestetik melalui aplikasi media menggunakan pendekatan bentuk melalui empat peringkat iaitu deskripsi, analisis, interpretasi dan penilaian. Kerangka konsep dijelaskan secara terperinci di dalam definisi konseptual. Dalam teori, Ocvick memperkenalkan '*Organic Unity*'. Melalui kajian beliau menjelaskan bahawa keadaan ini di mana komponen seni saling bergantung sepenuhnya. Keputusan keseluruhan

tersebut menjadi keutamaan yang sangat penting untuk kejayaan sesebuah proses pengkaryaan. Ocivirk (2013), menyatakan ketiga-tiga gabungan iaitu bentuk, subjek dan kandungan bersama-sama campuran menghasilkan Gabungan Organik.

Konsep-konsep seni disatukan berkomunikasi dan berinteraksi bagi memastikan penyelidikan akan membawa kepada penghasilan bentuk penghuraian. Penghuraian yang berpandukan beberapa aturan yang disampaikan dalam Rajah 1.1 melalui elemen seni dan prinsip seni reka. Penghuraian ini juga menggunakan dokumen iaitu karya pemenang Bakat Muda Sezaman dan melalui temu bual. Responden yang terlibat terdiri daripada tiga kategori iaitu artis, pakar dan kurator. Data yang diperolehi kemudian dianalisis melalui aplikasi ATLAS.ti untuk mendapatkan rumusan kajian.



Rajah 1.1. Reka Bentuk Kajian. Sumber: Diubahsuai daripada Siti Uzairah Mohd Tobi (2018). Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual. Kuala Lumpur: Aras Publisher.



1.8.1 Aspek Karya

Karya yang dipilih oleh penyelidik adalah merangkumi hasil karya pemenang BMS yang menggunakan media catan iaitu catan cat air, cat akrilik, cat minyak dan juga media campuran. Karya yang terpilih adalah berdasarkan kriteria media dan teknik yang diaplikasi oleh artis tersebut yang telah menjadi pemenang mengikut era 1980-an, 1990-an dan 2000-an.

1.8.2 Aspek Pakar

Pakar menjadi panduan penyelidik dalam menentukan soal-an serta data temu bual yang digunakan bagi mengukuhkan dapatan kajian. Pakar kesahan soal-an temu bual terdiri daripada dua orang pakar akademik, seorang pakar industri dan juga seorang pakar bahasa yang mempunyai pengalaman melebihi lima tahun. Temu bual dalam kajian ini oleh penyelidik dilakukan terhadap pakar dalam bidang Seni Halus bagi mengukuhkan data yang diperolehi. Mereka merupakan individu yang pakar dalam bidang akademik serta telah terlibat dalam industri seni halus dan pertandingan BMS di Malaysia daripada tiga universiti yang berlainan. Selain bergiat aktif dalam industri seni, istimewanya mereka juga pernah menjadi pemenang, juri dan hakim dalam pertandingan BMS. Bahkan merupakan pengiat seni visual negara sehingga kini serta masih aktif di dalam dan luar negara melalui pameran dan kepakaran mereka.



1.8.3 Aspek Artis

Pemilihan artis adalah mengikut kategori era iaitu 1980-an, 1990-an dan 2000-an. Kriteria pemilihan melibatkan kesudian artis untuk ditemu bual. Selain itu juga media yang diekplorasi semasa pertandingan BMS yang disertai oleh artis yang terlibat sehingga menjadi pemenang dalam pertandingan tersebut menjadi titik tolak kepada pemilihan responden kajian oleh penyelidik.

1.8.4 Aspek Kurator

Keterlibatan kurator yang dipilih mempunyai penglibatan melebihi sepuluh tahun dalam pertandingan BMS serta seorang yang berpengalaman luas berkaitan artis, juri, karya dan situasi semasa pertandingan tersebut. Perkara ini termasuk proses sebelum, semasa dan selepas pertandingan tersebut dilaksanakan. Perkara ini sedikit sebanyak memberikan input dalam kajian oleh penyelidik dalam mengukuhkan hasil kajian yang dilaksanakan ini.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulan dalam bab satu ini adalah penyelidik menerangkan proses dalam kajian. Persoalan kajian serta pencarian maklumat adalah melalui artis, pakar dan juga kurator yang telah terlibat dalam pameran BMS ini. Sehubungan dengan itu, perkara yang sangat menarik ialah mereka telah memberikan kerjasama yang sangat baik walaupun



ada segelintir yang tidak mahu memberikan komitmen terhadap kajian ini. Sebaliknya penyelidik meneruskan tekad dalam kajian yang dilaksanakan supaya dapat memberikan manfaat kepada semua pihak terlibat. Kekangan-kekangan yang berlaku dijadikan cabaran dan sesungguhnya Allah SWT menguji hambanya yang sabar, In Sha Allah yang datang akan menjadi yang terbaik.

Sesungguhnya ini merupakan suatu cabaran yang diambil positif oleh penyelidik. Melihat kepada beberapa kepentingan, penyelidik telah berusaha bersungguh-sungguh dalam menempuh pelbagai kerenah dengan baik dari pelbagai pihak. Oleh yang demikian, perbincangan yang seterusnya akan dibincangkan dalam bab literatur.

